



SIARAN AKHBAR

KADAR PERTUKARAN RINGGIT BRUNEI DAN SINGAPORE DOLLAR

1. Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) mendapati ada gambar yang dikelilingkan melalui media sosial mengenai dengan kadar pertukaran yang berbeza bagi Ringgit Brunei (BND) dan Singapore Dollar (SGD).
2. AMBD ingin memaklumkan bahawa Perjanjian Kesalingbolehtukaran Matawang atau *Currency Interchangeability Agreement (CIA)* telah dikuatkuasakan pada tahun 1967 diantara Negara Brunei Darussalam dan Republik Singapura. Di bawah perjanjian ini, Negara Brunei Darussalam dan Republik Singapura, masing-masing akan menerima SGD dan BND, pada nilai yang sama atau 1:1. Matawang Negara Brunei Darussalam yang ada dalam edaran di Republik Singapura boleh diterima sebagai 'customary tender' untuk membuat mana-mana pembayaran di Republik Singapura.
3. Autoriti-autoriti monetari dan bank bank komersial di Negara Brunei Darussalam dan Republik Singapura, masing-masing, boleh menerima dan membuat penukaran SGD dan BND, dengan nilai yang sama tanpa caj. Wang kertas yang telah rosak adalah dikecualikan dari perjanjian ini.
4. Perniagaan-perniagaan lain, seperti syarikat penukaran wang, teksi, ataupun kedai-kedai, tidak dimestikan oleh perjanjian ini untuk menerima kedua-dua matawang tersebut. Sebagai contoh, wang syiling bernilai SGD 1 tidak diterima secara meluas di Negara Brunei Darussalam. Sebaliknya, beberapa kedai dan perniagaan di Republik Singapura akan menerima wang polimer Negara Brunei Darussalam tetapi menolak wang syiling Negara Brunei Darussalam. Ini merupakan hak perniagaan tersebut.
5. Dalam konteks syarikat penukaran wang di Republik Singapura, tidak ada larangan bagi syarikat berkenaan untuk mengenakan caj atau kadar pertukaran yang berbeza bagi BND dan SGD. Contohnya, syarikat penukaran wang tersebut mungkin akan menentukan kadar berikut, USD 1 = SGD 1.34 dan USD 1 = BND 1.36 dan seterusnya akan menentukan kadar pertukaran BND 1 = SGD 0.9251. Ini adalah berkaitan, pada lazimnya, dengan kos pertukaran, kos menyimpan BND, dan peredaran SGD di pasaran global yang lebih banyak dibandingkan dengan BND.
6. Untuk menjamin nilai pertukaran matawang BND dan SGD yang sama tanpa caj, orang ramai bolehlah menukar matawang SGD ke matawang BND, atau matawang BND ke matawang SGD di kaunter bank-bank di kedua-dua negara. Jika ada terdapat mana-mana bank yang menukar matawang BND dan SGD dengan nilai pertukaran matawang yang tidak sama, atau dengan caj, orang ramai dinasihatkan untuk memaklukkannya kepada Monetary Authority of Singapore (MAS) dan AMBD.

7. Bagi maklumat lanjut atau sebarang pertanyaan, orang ramai boleh menghubungi pihak AMBD di talian 2382186 atau melalui emel info@ambd.gov.bn.

Autoriti Monetari Brunei Darussalam

Tarikh: 25Zulhijjah 1437/ 27 September 2016

Rujukan: AMBD/COMMS/3